



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**08 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |  |    |
|--|----|
| - Lima lokaliti hotspot kes denggi di MPAJ | 22 |
|--|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
08 FEBRUARI 2019 (JUMAAT)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Lima lokaliti hotspot kes denggi di MPAJ
Muka Surat	22

SH 8/2/19 M/S 22  
**Lima lokaliti hotspot kes denggi di MPAJ**

PANDAN INDAH - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengenalpasti lima lokaliti hotspot kes denggi yang dilaporkan sejak 24 Januari lalu.

Yang Dipertua MPAJ, Datuk Abd Hamid Hussain berkata, lima lokaliti itu antaranya di Taman Sri Angsana Hilir dan Jalan Jelatek mencatatkan 17 kes, Taman Bulit Teratai 21 kes, Lembah Jaya Utara 44 kes dan Taman Kencana 10 kes.

"Saya difahamkan ada satu kematian membabitkan kes denggi di Flat Sri Nilam pada awal tahun ini. Secara keseluruhan sebanyak 373 kes dilaporkan di kawasan MPAJ, ini merupakan satu jumlah yang amat membimbangkan," katanya.

Abd Hamid berkata, pihaknya memohon supaya masyarakat sentiasa memastikan kawasan kediaman bebas daripada pembiakan nyamuk aedes.

"Kita akan melaksanakan

tindakan kawalan seperti pemusnahan tempat pembiakan (search and destroy), selain mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan pendidikan di sekolah seperti ceramah berkaitan denggi," katanya.

Beliau berkata, pembentukan One Stop Crisis Centre (OSCC), berdasarkan arahan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud.

"Ia adalah susulan peningkatan kes denggi yang semakin kritikal di negeri ini, OSCC juga diwujudkan di semua daerah dengan melibatkan Pejabat Kesihatan Daerah dan Pihak Berkua Tempatan bermula 21 Januari lalu sehingga 17

Februari ini," katanya.

Menurutnya, OSCC ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan tindakan kawalan dan pencegahan denggi di pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan Pihak Berkua Tempatan.

"Semua aset dan sumber manusia agensi berkaitan akan bergabung bagi tujuan penyelesaian kawalan dan pencegahan denggi dalam daerah," katanya.



ABD HAMID